

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HSM 211 - Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, TIGA [3] soalan daripada Bahagian A dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab TIGA [3] soalan

1. Sejauh manakah adat dapat mewujudkan rasa tanggung jawab yang bertimbang balas dalam aktiviti ekonomi di antara golongan pemerintah dan yang diperintah dalam masyarakat Melayu tradisional?
2. Jelaskan sejauh manakah faktor-faktor ekonomi telah mempengaruhi tindakan Inggeris untuk menjajah di kawasan-kawasan yang kurang menguntungkan di Tanah Melayu pada Kurun ke-19?
3. Pemilikan tanah persendirian yang diberikan oleh Inggeris kepada orang-orang Melayu memberikan satu kemajuan yang jelas kepada orang-orang Melayu itu.

Bahaskan.

4. Tidaklah dapat dinafikan bahawa pembangunan infra struktur (jalan raya dan jalan keretapi) di Tanah Melayu adalah untuk perkembangan dasar ekonomi British.

Bahaskan.

5. Sejauh manakah dasar ekonomi kolonial boleh dipertanggungjawabkan sebagai punca masalah-masalah sosial di kalangan wanita-wanita Cina di Tanah Melayu?
6. Mengikut Lim Teck Ghee, melalui dasar-dasar yang menggalakkan dan memupuk imigrasi orang-orang Cina dan India ke Tanah Melayu, British telah mengasaskan masyarakat berbilang kaum.

Bahaskan.

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

7. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa sistem pemilikan dan penggunaan tanah di kalangan peribumi Sarawak telah dilemahkan oleh dasar ekonomi kerajaan Brooke?
8. Berbeza dari perkembangan ekonomi di Semenanjung, ekonomi Sabah di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara bergantung kepada ekonomi ekstraktif sahaja.

Bahaskan.

-ooo000ooo-